

Dr. Mahathir akan hadiri perhimpunan esok

KUALA LUMPUR 21 Sept. - Tun Dr. Mahathir Mohamad akan menghadiri Perhimpunan Agung UMNO ke-55 yang akan dirasmikan oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Khamis ini.

Sempena perasmian itu Abdullah akan diisytiharkan sebagai Presiden UMNO keenam selepas menang tanpa bertanding pada persidangan perwakilan bahagian Julai lalu.

Setiausaha Agung UMNO, Datuk Mohd. Radzi Sheikh Ahmad berkata, Dr. Mahathir yang melepaskan jawatan Perdana Menteri dan Presiden UMNO pada 31 Oktober 2003 akan hadir sebagai pemerhati khas.

"Insya-Allah, Tun Dr. Mahathir akan hadir (Perhimpunan Agung) sebagai pemerhati khas, seperti biasalah," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis Taklimat Presiden sempena Perhimpunan Agung UMNO di sini, hari ini.

Puas hati

Mengenai persiapan menjelang perhimpunan itu, Mohd. Radzi berkata, beliau berpuas hati dengan persiapan yang dilakukan setakat ini walaupun timbul sedikit kesulitan berikutan terdapat pertambahan sebanyak 25 bahagian baru.

Beliau berkata, pada perhimpunan kali ini, para pemerhati tidak akan dibenarkan memasuki dewan itu pada hari perasmian.

"Kita memang rasa dukacita kerana tidak ada pemerhati tetapi kita tempatkan mereka di Dewan Tun Hussein Onn untuk menyaksikan upacara perasmian melalui skrin khas," katanya.

Mengenai pemilihan Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri UMNO yang berlangsung esok, Mohd. Radzi berkata, beliau yakin proses pengundian akan berjalan lancar.

"Keputusan pemilihan ketiga-tiga sayap UMNO itu dijangka diketahui kira-kira pukul 6.30 petang esok," katanya.